

## Pemahaman Belia Malaysia terhadap Politik *Cybertroopers*: Kajian tinjauan di Selangor dan Perak

*Young Malaysians' Understanding of Cybertroopers Politics: Survey Research in Selangor and Perak*

Nurul Iwan

Jabatan Pengajian Malaysia, Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris  
Email: nurulimaniwan@gmail.com

**Published:** 15 December 2023

**To cite this article (APA):** Nurul Iwan. (2023). Pemahaman Belia Malaysia terhadap Politik *Cybertroopers*: Kajian tinjauan di Selangor dan Perak. *Perspektif Jurnal Sains Sosial Dan Kemanusiaan*, 15, 50–66. <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.5.2023>

**To link to this article:** <https://doi.org/10.37134/perspektif.vol15.sp.5.2023>

### Abstrak

Kebangkitan *keyboard warrior*, netizen dan *Cybertroopers* ini adalah fenomena global yang tidak hanya berlaku di Malaysia sahaja, tetapi wujud di seluruh negara. Di Malaysia, kemunculan gerakan *Cybertroopers* sering dikaitkan dengan penglibatan belia kerana mereka adalah pengguna utama media sosial. Oleh itu, kajian ini menyelidiki tentang pemahaman belia di Selangor dan Perak tentang politik *Cybertroopers* dengan memfokuskan analisisnya kepada tahap pemahaman mereka tentang definisi, tipologi dan matlamat penubuhan kumpulan *Cybertroopers* di Malaysia dan perbezaan tahap pemahaman ini mengikut indikator demografi belia seperti jantina, pendidikan dan status ekonomi. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif menerusi instrumen soal selidik yang diedarkan secara rawak kepada 395 belia di Selangor dan Perak. Data kuantitatif ini dianalisis secara deskriptif dan inferensi menggunakan SPSS 27.0. Dapatan menunjukkan bahawa belia mempunyai pemahaman yang rendah tentang *Cybertroopers* kerana mereka tidak mengetahui dengan jelas pendefinisian sebenar *Cybertroopers*. Oleh kerana mereka tidak memahami definisi *cybertroopers* ini, maka mereka sering beranggapan bahawa *Cybertroopers* ialah *keyboard warriors* atau 'makcik bawang'. Malah, rata-rata mereka tidak mengetahui jenis atau bentuk *Cybertroopers* serta tidak mengetahui tujuan sebenar kewujudan *Cybertroopers* dalam politik Malaysia. Bagi indikator demografi jantina, kelompok belia perempuan peka tentang kewujudan *Cybertroopers* dan mempunyai pemahaman yang lebih baik berkenaan gerakan ini berbanding belia lelaki. Manakala, jika dibandingkan mengikut taraf sosioekonomi, belia yang mempunyai pendapatan bawah RM 1200 lebih peka terhadap politik *Cybertroopers* berbanding dengan belia pada taraf ekonomi yang lain. Bagi analisis tahap pendidikan, tiada perbezaan signifikan bagi semua item kecuali bagi jenis *Cybertroopers* iaitu alat untuk menjatuhkan pemimpin di mana belia yang mempunyai diploma/STPM bersetuju dengan kenyataan ini berbanding dengan kelompok belia yang lain. Secara keseluruhannya, implikasi kajian menunjukkan bahawa kerajaan perlu memberi kesedaran dan pemahaman kepada masyarakat, khususnya belia tentang *Cybertroopers* dan mengawal gerakan ini bagi memastikan kestabilan politik nasional.

**Kata kunci:** politik, *Cybertroopers*, belia, pemahaman, Malaysia.

### Abstract

*The rise of keyboard warriors, netizens, and Cybertroopers is a global phenomenon that occurs not only in Malaysia, but worldwide. In Malaysia, the emergence of the Cybertroopers movement is often associated with the involvement of young people, as they are the primary users of social media. Therefore, this study investigates the understanding of youth in Selangor and Perak regarding to the Cybertroopers' politics, focusing its analysis on their understanding of the definition, typology, and goals of the Cybertroopers groups in Malaysia. The study also examines the differences in the level of understanding based on youth demographic indicators such as gender, education, and economic status. This study employed a quantitative method through a randomly distributed questionnaire to 395 young people in Selangor and Perak. The quantitative data are analyzed descriptively and inferentially using SPSS 27.0. The findings indicate that young people have a low understanding of Cybertroopers*

because they are not clear about the actual definition of *Cybertroopers*. Due to this lack of understanding, they often assume that *Cybertroopers* are keyboard warriors or gossipmongers. Moreover, on average, they are not familiar with the types or forms of *Cybertroopers* and do not know the true purpose of *Cybertroopers'* existence in Malaysian politics. Regarding the demographic indicator of gender, female youth are more aware of the existence of *Cybertroopers* and have a better understanding of this movement compared to male youth. Meanwhile, when compared based on socioeconomic status, youth with incomes below RM 1200 are more sensitive to *Cybertroopers'* politics than youth at other economic levels. For the analysis of education levels, there is no significant difference for all items except for the type of *Cybertroopers*, which is a tool to bring down leaders. Youth with a diploma/STPM agree more with this statement compared to other youth groups. Overall, the study's implications suggest that the government needs to raise awareness and understanding among the public, especially youth, about *Cybertroopers* and regulate this movement to ensure national political stability.

**Keywords:** politics, *Cybertroopers*, youth, understanding, Malaysia.

## PENGENALAN

*Cybertroopers* atau laskar siber boleh didefinisikan sebagai individu atau kumpulan yang 'menyampaikan fakta' bagi mempertahankan agenda-agenda politik sesebuah parti atau ahli politik (Haspaizi & Yasmin, 2019). Kebangkitan *Cybertroopers* ini tidak hanya berlaku di Malaysia sahaja, tetapi ianya adalah suatu fenomena global, termasuk di negara-negara maju. Misalnya, *Twitter* telah mengenal pasti seramai 1.4 juta pengguna yang berpangkalan di Amerika telah berkomunikasi dengan akaun *Sock Puppet* iaitu akaun palsu yang digunakan untuk tujuan penipuan sewaktu pilihan raya Presiden 2016. Disebabkan kempen yang meluas dari *Cybertroopers* pada pilihan raya ini, AS terpaksa mewujudkan unit ketenteraan untuk mempertahankan diri daripada ancaman tersebut (Hart & Klink, 2017). Selain itu, ancaman *Political Astroturfing* juga berlaku di negara lain seperti dalam pilihan raya Perancis 2017 (Ferrara, 2017), pilihan raya Brexit 2016 di United Kingdom (Bastos & Mercea, 2017) dan di China (King et al., 2017). Di Malaysia, sejarah awal kemunculan gerakan *Cybertroopers* ini tidak dapat diketahui dengan jelas, namun ianya dilihat berkembang sekitar pilihan raya umum 2008 di mana pada pilihan raya tersebut, media sosial menjadi platform alternatif yang digunakan oleh pembangkang dalam usaha menentang kerajaan. Penggunaan media sosial dalam pilihan raya 2008 ini dilihat berhasil kepada pembangkang apabila berjaya menafikan kemenangan dua pertiga majoriti Barisan Nasional (BN) dalam Parlimen yang telah dikuasai selama lebih 53 tahun, dan memonopoli lima buah negeri termasuk Kelantan. Berbanding era reformasi 1998, penggunaan media alternatif pada Pilihan Raya Umum (PRU) ke-12 ini adalah lebih meluas dan komprehensif. Ini kerana isu-isu hangat yang didedahkan oleh media alternatif seperti skandal rasuah, penyalahgunaan kuasa, salah laku pemimpin lebih mendapat perhatian masyarakat, khususnya belia, sekali gus membentuk pandangan mereka sebelum mengundi dalam pilihan raya. Kebanyakan provokasi-provokasi politik ini digerakkan oleh para *Cybertroopers* dari parti-parti politik, mahu pun *non-partisan*.

Gerakan *Cybertroopers* ini semakin berkembang pada PRU 2013, dan meluas pada PRU 2018. Kejatuhan BN pada PRU ke-14 salah satunya adalah berpunca daripada 'perang siber' yang digerakkan oleh *Cybertroopers* di media sosial. Menurut Zahid Hamidi (dalam Haspaizi & Yasmin, 2019), 93.4% *Cybertroopers* di negara ini adalah pro-Pakatan Harapan (PH) yang menjadi pembangkang pada waktu itu, manakala selebihnya adalah penyokong kerajaan BN. Banyak parti politik mahu pun ahli politik secara perseorangan menggunakan khidmat *Cybertroopers* dalam memastikan matlamat politik mereka tercapai, lebih-lebih lagi apabila menjelang pilihan raya. Malah, ada dalam kalangan *Cybertroopers* ini menjadikan amalan ini sebagai satu kerjaya untuk mencari rezeki kerana gaji yang ditawarkan adalah sangat lumayan sehingga boleh mencecah puluhan ribu. Medium utama yang sangat aktif digunakan oleh *Cybertroopers* di Malaysia bagi menyampaikan maklumat atau memprovokasi politik ialah media sosial. Menurut Internet Users Survey 2022 (Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia, 2023), pengguna internet yang paling tinggi di Malaysia adalah dalam kalangan kelompok umur dari 20 ke 30 tahun iaitu belia dan mereka juga merupakan kelompok tertinggi yang mengakses media sosial bagi mendapatkan maklumat. Oleh kerana belia merupakan kelompok tertinggi yang menggunakan media sosial dan *Cybertroopers* juga bergiat aktif dalam media sosial, maka belia adalah golongan yang berpotensi untuk dipengaruhi oleh *Cybertroopers*. Oleh itu, adalah penting untuk mengukur kefahaman

belia tentang *Cybertroopers* kerana ketiadaan pemahaman yang jelas dalam kalangan masyarakat tentang *Cybertroopers* boleh memberi bahaya khususnya tentang kesahihan maklumat yang dibawa dan pengaruh mereka dalam menarik golongan muda untuk menyertai mereka. *Cybertroopers* sering dilihat skeptikal kerana mereka memberi pandangan kasar atau agresif di internet, di mana kebiasannya mereka akan menyembunyikan identiti sebenar mereka (Herrick, 2016).

Oleh itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti tahap pemahaman belia Selangor dan Perak terhadap *Cybertroopers*, termasuk definisi, jenis dan matlamat penubuhannya. Selain itu, kajian ini juga menganalisis perbezaan pemahaman belia dari konteks faktor demografi seperti jantina, tahap pendidikan dan taraf ekonomi. Tujuannya adalah untuk mengkaji sama ada faktor demografi ini turut mempengaruhi pemahaman belia terhadap *Cybertroopers*. Kajian ini secara keseluruhannya memfokuskan kepada pemahaman belia terhadap politik *Cybertroopers* dengan menggunakan negeri Perak dan Selangor sebagai lokasi tinjauan. Kedua-dua negeri ini dipilih kerana populasi belia di negeri-negeri ini adalah yang tertinggi di semenanjung Malaysia (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Oleh kerana kajian ini memfokuskan kepada pemahaman tentang *Cybertroopers*, maka, kelompok belia adalah sasaran terbaik sebagai responden kajian. Selain itu, situasi politik di kedua-dua negeri yang dilihat sebagai satu persaingan sengit antara kerajaan Pakatan Harapan (PH) dan Perikatan Nasional (PN) pada PRU-15 turut diambil kira sebagai faktor mengapa kedua-dua negeri ini dipilih. Ini kerana informasi dan perang siber di media sosial juga adalah saluran utama yang mempengaruhi undian belia dalam pilihan raya.

## SOROTAN LITERATUR

Kebangkitan *Cybertroopers* tidak hanya berlaku di Malaysia sahaja, tetapi ianya adalah suatu fenomena global yang berlaku hampir di semua negara. Di negara-negara maju, kegiatan *Cybertroopers* ini boleh bermaksud *Political Astroturfing*, *Political Bots*, atau *Political Sock Puppets*. Kajian berkaitan aktiviti-aktiviti ini telah lama dan banyak dilakukan oleh para Sarjana di negara-negara maju seperti US, UK dan Korea. Kebanyakan kajian ini menjelaskan dengan mendalam berkaitan dengan perbezaan istilah-istilah yang digunakan. Namun di Malaysia, walaupun kajian-kajian berkaitan *Cybertroopers* semakin berkembang terutamanya apabila pilihan raya, namun skop kajian sedia ada lebih tertumpu kepada peranan dan kesan *Cybertroopers* ke atas politik Malaysia.

Misalnya, kajian Johns dan Cheong (2019) membincangkan mengenai pilihan raya yang bersih dan adil di mana dalam kajian ini melihat kebangkitan anak muda terlibat dengan perhimpunan Bersih yang diadakan antara tahun 2011 dan 2016 akibat berlakunya ketidakseimbangan ekonomi, sosial dan politik. Kajian ini melihat gerakan ini bukan sahaja berlaku dalam bentuk fizikal malah gerakan ini berjaya mendapat sambutan dengan adanya pergerakan dalam talian yang memarakkan lagi api kemarahan golongan belia terhadap pihak kerajaan. Secara umumnya, kajian ini menyentuh mengenai golongan *Cybertroopers* yang mana penglibatan golongan ini adalah berdasarkan upah dari pihak berkepentingan untuk memanipulasi berita yang dipaparkan serta menyebarkan propaganda politik yang boleh menimbulkan ketidakpastian dan kekeliruan masyarakat.

Tiung, Rizal Zamani dan Rafiq (2019) turut menyentuh secara ringkas tentang golongan *Cybertroopers* dalam kajian mereka di mana kajian ini menumpukan kepada peranan dan perkembangan media sosial di Malaysia yang bermula sekitar lewat 1990an sebagai saluran alternatif kepada rakyat. Fokus utama kajian ini tertumpu kepada penyebaran berita-berita palsu secara meluas dalam kempen pilihan raya 2018. Dalam kajian ini juga membuktikan bahawa kuasa media yang digunakan semasa Pilihan Raya Umum (PRU) ke 14 membuktikan bahawa kuasa media siber yang digunakan oleh parti-parti politik menerusi khidmat 'tentera *Cybertrooper*' menyebabkan buat pertama kalinya dalam sejarah Malaysia berlakunya pertukaran kerajaan setelah kemerdekaan dicapai.

Kajian Tiung, Rizal Zamani dan Rafiq (2019) ini berbeza sedikit dengan kajian Johns dan Cheong (2019) yang mengkaji tentang kesan penggunaan 'teknik afektif' oleh pemerintah untuk memanipulasi kandungan di media sosial dan tindakan keras terhadap komunikasi dalam talian. Kajian ini menganalisis data-data di *Twitter* pada hari berlakunya Perhimpunan Bersih 3.0 dan maklumat yang dimanipulasi oleh *Cybertroopers*. Kajian Johns dan Cheong (2019) ini diperkembangkan oleh kajian Lee dan Kerr (2020) dengan melihat konteks yang berbeza iaitu amalan *troll* politik di internet

sepanjang May 2018 hingga Februari 2020. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa amalan *Troll* politik ini banyak digerakkan oleh kelompok *Cybertroopers* dan *Astroturfing* yang bertujuan untuk mempengaruhi persepsi masyarakat. Kajian ini melihat konsep *Cybertroopers* adalah berbeza dengan *Astroturfing* di mana *Cybertroopers* adalah individu atau kumpulan yang diupah pemerintah atau parti politik untuk memanipulasi pendapat awam dalam talian. Manakala, *Astroturfing* bermaksud penciptaan laman-laman-laman web yang dianggap *neutral* oleh partisan. Walaupun konsep-konsep ini berbeza, namun matlamat mereka adalah sama iaitu mempengaruhi persepsi politik masyarakat. Malah, kedua-dua kumpulan ini menggunakan praktis atau mekanisme yang sama iaitu penggunaan amalan *Troll* politik dalam menyebarkan maklumat kepada masyarakat.

Kesemua kajian di atas tentang konsep *Cybertroopers* analisisnya dilihat kabur dan tidak berkembang kerana terlalu menumpukan perbincangan kajian kepada dua aspek iaitu kewujudan *Cybertroopers* di Malaysia dan amalannya di negara ini. Walau bagaimanapun, kajian-kajian mereka tidak menganalisis aspek-aspek lain seperti persepsi atau pemahaman masyarakat tentang *Cybertroopers* ini. Perbincangan tentang pemahaman masyarakat, khususnya belia tentang gerakan *Cybertroopers* ini adalah sangat penting bagi memastikan masyarakat dapat membezakan konsep *Cybertroopers* dengan konsep-konsep lain dan menyedari tentang kewujudan serta peranan yang dimainkan dalam politik Malaysia. Secara kesimpulannya, terdapat banyak kajian-kajian lepas yang memberikan takrifan mengenai istilah '*Cybertroopers*, *Political Astroturfing* dan *Netizen*' yang diguna pakai di pelbagai negara. Kajian-kajian lepas yang disorot ini secara tidak langsung telah memberi gambaran awal mengenai kajian tentang *Cybertroopers* dan membantu pengkaji memahami konsep *Cybertroopers* dalam konteks umum. Namun begitu, tiada kajian empirikal yang menjelaskan dengan terperinci tentang pemahaman masyarakat tentang *Cybertroopers* dalam konteks Malaysia, sebagaimana yang akan dilaksanakan oleh kajian ini. Oleh itu, kajian ini akan mengisi kelompangan dalam kajian-kajian lepas seperti tahap pemahaman belia tentang *Cybertroopers*. Selain itu, kajian ini juga melihat kepada perbezaan tahap pemahaman ini mengikut demografi seperti tahap pendidikan, jantina dan dikotomi bandar-luar bandar.

## METODOLOGI PENYELIDIKAN

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kuantitatif menerusi kajian tinjauan dengan mengedarkan soal selidik secara bersemuka dan dalam talian menerusi *google form* kepada 395 belia di Perak dan Selangor. Rasionalnya, kaedah tinjauan ini digunakan bagi mendapatkan pandangan dari sampel belia yang luas. Bagi memastikan semua belia di Selangor dan Perak berpotensi untuk dipilih sebagai responden kajian, maka persampelan rawak mudah digunakan bagi mendapatkan sampel kajian. Negeri Perak dan Selangor dipilih sebagai sampel kajian kerana mempunyai jumlah belia yang paling tinggi di Semenanjung Malaysia berbanding dengan negeri lain (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023). Jumlah sampel sebanyak 395 responden ini diperolehi dengan merujuk kepada jadual penentuan saiz sampel yang diperkenalkan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Berikut merupakan agihan sampel kajian:

**Jadual 1:** Agihan Sampel Mengikut Negeri

Bil	Negeri	Sampel
1	Selangor	264
2	Perak	131
	<b>Jumlah</b>	<b>395</b>

**Jadual 2:** Taburan kekerapan dan peratusan bagi profil responden

Demografi		Bilangan (N: 395)	Peratusan (%)
Jantina	Lelaki	159	40.3
	Perempuan	236	59.7
Umur	15-18	10	2.5
	19-24	314	79.5
	25-30	71	18
Bangsa	Melayu	326	82.5
	Cina	8	2
	India	3	0.8
	Bumiputera Sabah	47	11.9
	Bumiputera Sarawak	10	2.5
	Lain-lain	1	0.3
Agama	Islam	363	91.9
	Kristian	22	5.6
	Buddha	7	1.8
	Hindu	3	0.8
Pendidikan	SPM ke bawah	31	7.8
	Diploma/STPM	167	42.3
	Sarjana Muda	192	48.6
	Pascasiswazah	5	1.3
Status ekonomi	<RM1200	266	67.3
	RM1300-RM2500	82	20.8
	RM2600-RM3800	85	6.3
	RM3800>	22	5.6
Negeri	Selangor	264	66.8
	Perak	131	33.2

Profil responden terdiri daripada jantina, bangsa, umur, agama, taraf pendidikan, status ekonomi dan negeri (Jadual 4.1). Hasil pengumpulan data menunjukkan taburan jumlah dan peratusan profil responden iaitu seramai 159 orang (40.3%) lelaki dan seramai 236 orang (59.7%) perempuan telah terlibat dalam kajian ini. Bagi taburan kekerapan peringkat umur, majoriti adalah peringkat umur 19 hingga 24 hingga 24 tahun seramai 314 orang (79.5%). Diikuti dengan peringkat umur 25 hingga 30 tahun seramai 71 orang (18%) dan peringkat umur 15 hingga 18 tahun seramai 10 orang (2.5%). Taburan kekerapan bangsa menunjukkan bahawa Melayu seramai 326 orang (82.5%), Cina seramai 8 orang (2%), India seramai 3 orang (0.8%), Bumiputera Sabah seramai 47 orang (11.9%), Bumiputera Sarawak seramai 10 orang (2.5%) dan Lain-lain seramai 1 orang (0.3%). Di samping itu, taburan kekerapan untuk aspek agama menunjukkan Islam seramai 363 orang (91.9%), Kristian seramai 22 orang (5.6%), Buddha seramai 7 orang (1.8%) dan Hindu seramai 3 orang (0.8%). Manakala, taburan kekerapan untuk aspek pendidikan kebanyakan responden mempunyai pendidikan peringkat sarjana muda iaitu seramai 192 orang (48.6%), diikuti Diploma/ STPM seramai 167 orang (42.3%), SPM kebawah seramai 31 orang (7.8%) dan akhir sekali Pascasiswazah seramai 5 orang (1.3%). Dalam aspek taburan status ekonomi menunjukkan seramai 266 orang (67.3%) yang kurang daripada RM1200, pendapatan RM1300-RM2500 seramai 82 orang (20.8%), RM2600-RM3800 seramai 25 orang (6.3%) dan RM3800 ke atas seramai 22 orang (5.6%). Akhir sekali taburan kekerapan bagi negeri di mana sebanyak 264 orang (66.85) negeri Selangor dan 131 orang (33.2%) bagi Perak.

Data yang diperolehi ini dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package for the Social Sciences* (SPSS) 27.0 menerusi kaedah analisis deskriptif iaitu analisis skor min, peratusan dan analisis inferensi seperti Ujian-T dan ANOVA sehalu. Selain itu, kajian ini juga turut menggunakan data sekunder yang diperolehi daripada buku, jurnal dan tesis dari pelbagai carian dalam dan luar negara.

## DAPATAN KAJIAN

### Analisis Min bagi Definisi *Cybertroopers*

**Jadual 3:** Analisis Min bagi Pemahaman Belia tentang Definisi *Cybertroopers*

PEMAHAMAN BELIA MENGENAI DEFINISI <i>CYBERTROOPERS</i> DI MALAYSIA					
N=395					
Item	TIDAK (%)	YA (%)	Min	Sisihan piawai	Intreprestasi
Saya pernah mendengar istilah <i>Cybertroopers</i>	49.6	50.4	1.50	0.50	Rendah
Saya faham maksud <i>Cybertroopers</i>	39.5	60.5	1.60	0.48	Rendah
<i>Cybertroopers</i> berbeza dengan laskar siber atau <i>Keyboard Warriors</i>	65.1	34.9	1.34	0.47	Rendah
Kumpulan Propaganda Politik	59.0	41.0	1.41	0.49	Rendah
<b>Min keseluruhan</b>				<b>1.48 (0.46)</b>	<b>Rendah</b>

Jadual 3 membincangkan tentang tahap pemahaman belia Malaysia tentang definisi *Cybertroopers*. Berdasarkan dapatan yang diperolehi, data menunjukkan bahawa belia, sama ada belia di Perak atau Selangor, mempunyai tahap pemahaman yang rendah tentang konsep *Cybertroopers* (min: 1.48; s.p: 0.46) mengikut interpretasi skor min oleh Sekaran (1992) iaitu <1.67 adalah rendah. Secara lebih khusus, terdapat belia yang tidak pernah mendengar tentang istilah *Cybertroopers* (min: 1.50; s.p: 0.50) dan kebanyakan mereka kurang memahami maksud *Cybertroopers* (min: 1.60; s.p: 0.48). Oleh itu, mereka beranggapan bahawa *Cybertroopers* sinonim dengan *Keyboard warrior* atau laskar siber (min: 1.34; s.p: 0.47). Dapatan ini selari dengan dapatan Mastura, Siti Zobidah & Krauss (2020) yang mendapati bahawa *Cybertroopers* adalah sama dengan 'keyboard warriors' iaitu mereka yang terlibat aktif di sosial media. Malah, belia di Selangor dan Perak ini tidak melihat gerakan *Cybertroopers* ini sebagai kumpulan propaganda politik yang ditubuhkan oleh individu atau organisasi politik.

**Jadual 4:** Analisis Min bagi Pemahaman Belia tentang Bentuk/Jenis *Cybertroopers*

BENTUK/ JENIS <i>CYBERTROOPERS</i> N= 395					
Item	TIDAK (%)	YA (%)	Min	Sisihan piawai	Interprestasi
1 Kegiatan yang dilakukan oleh seseorang yang di upah	65.3	34.7	1.34	0.47	Rendah
2 Ditubuhkan oleh pemerintah politik	46.8	53.2	1.53	0.49	Rendah
3 Diasaskan oleh parti politik	48.9	51.1	1.51	0.50	Rendah
4 Kumpulan yang membawa provokasi politik	59.0	41.0	1.41	0.49	Rendah
5 Individu dengan agenda yang dibiayai oleh organisasi politik	57.2	42.8	1.42	0.49	Rendah
<b>Min keseluruhan</b>				<b>1.50 (0.48)</b>	<b>Rendah</b>

Jadual 4 di atas menunjukkan bahawa belia mempunyai pemahaman yang rendah tentang bentuk atau jenis *Cybertroopers* di Malaysia (min: 1.50; s.p: 0.48). Jika dianalisis mengenai maksud sebenar *Cybertroopers*, menurut Haspaizi & Yasmin, (2019), *Cybertroopers* ialah laskar siber iaitu mereka yang diupah ‘menyampaikan fakta’ bagi mempertahankan agenda-agenda politik sesebuah parti atau ahli politik. Namun, dalam dapatan ini, belia tidak bersetuju dengan kenyataan bahawa gerakan *Cybertroopers* ini adalah kegiatan yang dilakukan oleh seseorang yang diupah (min: 1.34, s.p: 0.47). Ini bermaksud kumpulan *Cybertroopers* ini boleh bergerak secara sendiri atau solo tanpa dipengaruhi oleh sesiapa. Walaupun belia bersetuju bahawa *Cybertroopers* ini diasaskan dan ditubuhkan oleh parti politik dan pemerintah, namun gerakan ini tidak membawa provokasi politik (min: 1.41, s.p: 0.49) dan tidak dibiayai oleh organisasi politik (min: 1.42, s.p: 0.49). Walaupun kebanyakan belia di Selangor dan Perak bersetuju bahawa *Cybertroopers* ini diasaskan dan digerakkan oleh parti politik dan pemerintah, namun skor min bagi kedua-dua item ini masih berada pada tahap yang rendah (<1.67). Dapatan ini dilihat bertentangan dengan kajian Leong (2015) yang mendapati bahawa kebanyakan parti politik terutamanya BN dan PH telah merekrut dan mengupah tentera siber mereka untuk terlibat dalam peperangan psikologi dalam talian.

**Jadual 5:** Analisis Min bagi Pemahaman Belia tentang Tujuan Penubuhan *Cybertroopers*

TUJUAN CYBERTROOPERS						
N= 395						
Item	Tidak (%)	Ya (%)	Min	Sisihan piawai	intreprestasi	
1 Memperjuangkan kepentingan masyarakat	39.0	61.0	1.61	0.48	Rendah	
2 Medium untuk menaikkan nama pemimpin	61.0	39.0	1.38	0.48	Rendah	
3 Alat untuk menjatuhkan seorang pemimpin	60.3	39.7	1.39	0.48	Rendah	
4 Menyampaikan berita yang sah kepada masyarakat	38.5	61.5	1.61	0.48	Rendah	
5 Media mempunyai kepentingan politik	60.3	39.7	1.39	0.48	Rendah	
6 Sebagai akar umbi yang disusun secara terpusat	56.5	43.5	1.43	0.49	Rendah	
7 Mempercayai berita yang disampaikan oleh <i>Cybertroopers</i>	24.6	75.4	1.75	0.43	Sederhana	
8 <i>Cybertroopers</i> membantu ahli politik untuk meraih undi	59.5	40.5	1.40	0.49	Rendah	
<b>Min keseluruhan</b>				<b>1.50 (0.47)</b>	<b>Rendah</b>	

Secara keseluruhannya, jadual 5 menunjukkan belia di Selangor dan Perak tidak mengetahui tujuan atau matlamat sebenar *Cybertroopers* ini ditubuhkan kerana pemahaman mereka tentang isu ini berada pada tahap rendah (min:1.50, s.p: 0.47). Namun begitu, sebahagian besar mereka mempercayai berita atau maklumat politik yang dibawa dan disampaikan oleh *Cybertroopers* ini apabila nilai skor min menunjukkan pada tahap sederhana (min: 1.75, s.p: 0.43). Bagi item-item lain seperti *Cybertroopers* memperjuangkan kepentingan masyarakat, medium untuk menaikkan nama dan meraih undi, akar umbi yang disusun secara terpusat dan sebagainya berada pada tahap yang rendah iaitu min (<1.67).

Jadual 6 di bawah membincangkan tentang analisis Ujian-T bagi pemahaman belia tentang definisi, bentuk dan tujuan penubuhan *Cybertroopers* di Malaysia mengikut jantina. Ujian-T bertujuan membandingkan min dan varians bagi dua kumpulan untuk menentukan yang mana berbeza secara signifikan. Dalam kajian ini Ujian-T digunakan untuk menentukan sama ada terdapat perbezaan antara lelaki dan perempuan dalam pemahaman mereka tentang *Cybertroopers* di Malaysia. Dapatan menunjukkan hanya dua (2) item sahaja yang menunjukkan perbezaan signifikan antara lelaki dan Perempuan iaitu bagi item ‘Saya pernah mendengar istilah *Cybertroopers*’ dan ‘Saya faham maksud *Cybertroopers*’. Bagi item yang pertama, ‘Saya pernah mendengar istilah *Cybertroopers*’, dapatan menunjukkan bahawa belia Perempuan di Perak lebih peka apabila lebih banyak mendengar tentang

istilah ini berbanding belia lelaki di Perak serta belia lelaki dan perempuan di Selangor (sig: 0.000; f: 17.315). Selain itu, terdapat perbezaan signifikan (sig: 0.005; f: 7.794) bagi item dua iaitu ‘Saya faham maksud *Cybertroopers*’ di mana belia perempuan di Selangor mempunyai kepekaan dan pemahaman yang tinggi berbanding dengan belia lelaki dan belia perempuan di Perak tentang *Cybertroopers*. Walau bagaimanapun, item-item lain tidak menunjukkan perbezaan signifikan ( $p > .05$ ). Kajian ini menunjukkan bahawa belia perempuan mempunyai tahap pemahaman yang lebih tinggi mengenai *Cybertroopers* berbanding lelaki. Dapatan ini berbeza dengan hujah Almond dan Verba (1963) dan Norris (2002) yang berpendapat bahawa kelompok lelaki lebih aktif berpolitik berbanding dengan wanita.

**Jadual 6:** Analisis Ujian-T bagi Pemahaman belia tentang Definisi, Bentuk dan Tujuan Penubuhan *Cybertroopers* di Malaysia berdasarkan Jantina.

Pemahaman belia tentang definisi, bentuk dan tujuan penubuhan <i>Cybertroopers</i> di Malaysia berdasarkan Jantina (N = 395)									
item	Selangor (%) N-264				Perak (%) N-131				Ujian-t
	Lelaki		Perempuan		lelaki		Perempuan		
	TIDAK	YA	TIDAK	YA	TIDAK	YA	TIDAK	YA	
Saya pernah mendengar istilah <i>Cybertroopers</i>	23.7	51.1	76.3	48.9	46.7	48.5	56.9	<b>51.5</b>	<b>0.000</b> (F – 17.315)
Saya faham maksud <i>Cybertroopers</i>	49	30	51	<b>70</b>	48.1	58.3	51.9	55.7	<b>0.005</b> (F-7.794)
Dikenali sebagai laskar siber atau <i>Keyboard Warriors</i>	33.5	44	66.5	56	46.2	44.7	53.8	55.3	0.242 (F-1.374)
Kegiatan yang dilakukan oleh seseorang yang di upah	41.6	29.7	58.4	70.3	44.7	47.8	55.3	52.2	0.186 (F-1.755)
Ditubuhkan oleh pemerintah politik	39.7	35.3	60.3	64.7	46.3	45.5	53.7	54.5	0.604 (F-0.270)
Diasaskan oleh pemerintah politik	40.4	34.4	59.6	65.6	49.1	43.2	50.9	56.8	0.277 (F-1.186)
Kumpulan propaganda politik	40.5	33.3	59.5	66.7	43.8	49.0	56.3	51.0	0.504 (F-0.447)
Individu dengan agenda yang dibiayai oleh organisasi politik	40.9	32.7	59.1	67.3	43.1	49.2	59.6	50.8	0.531 (F-0.393)
Memperjuangkan kepentingan masyarakat	40.9	34.9	59.1	65.1	46.2	45.7	53.8	54.3	0.528 (F-0.399)
Medium untuk menaikkan nama	41.2	31.3	58.8	68.7	46.1	45.5	53.9	54.5	0.209 (F-1.586)
Alat untuk menjatuhkan seorang pemimpin	43.5	29.1	56.5	70.9	41.7	53.2	58.3	46.8	0.195 (F-1.687)
Menyampaikan berita yang sahih kepada masyarakat	37.5	37.5	62.5	62.5	55.0	41.8	45.0	58.2	0.554 (F-0.351)



Media mempunyai kepentingan politik	41.6	31.1	58.4	68.9	41.6	51.9	58.4	48.1	0.504 (F-0.448)
Sebagai akar umbi yang disusun secara terpusat	42.7	29.9	57.3	70.1	45.5	46.2	54.5	53.8	0.135 (F-2.243)
Mempercayai berita yang disampaikan oleh <i>Cybertroopers</i>	42.4	35.9	57.6	64.1	54.8	43.0	45.2	57.0	0.157 (F-2.015)
<i>Cybertroopers</i> membantu ahli politik untuk meraih undi	42.0	30.8	58.0	69.2	43.6	49.1	56.4	50.9	0.260 (F-1.274)

**Jadual 7:** Analisis ANOVA sehalu bagi Pemahaman belia tentang definisi, bentuk dan tujuan penubuhan *Cybertroopers* di Malaysia berdasarkan Taraf Sosioekonomi

Pemahaman belia tentang definisi, bentuk dan tujuan penubuhan <i>Cybertroopers</i> di Malaysia berdasarkan Taraf Sosioekonomi (N = 395)																		
Item	Selangor (%) N-264								Perak (%) N-131								ANOVA	
	Kurang daripada RM1200		RM1300- RM2500		RM2600- RM3800		RM3900 ke atas		Kurang daripada RM1200		RM1300- RM2500		RM2600- RM3800		RM3900 ke atas			
	TIDAK	YA	TIDAK	YA	TIDAK	YA	TIDAK	YA	TIDAK	YA	TIDAK	YA	TIDAK	YA	TIDAK	YA		
1. Saya pernah mendengar istilah <i>Cybertroopers</i>	74	63	21.4	18	1.5	10.5	3.1	7.5	63.1	62.2	23.1%	22.7	6.2	7.6	7.7	4.5	<b>0.045</b> <b>(F-2.707)</b>	
2. Saya faham maksud <i>cybertroopers</i>	62.5	73.1	17.3	21.3	9.6	3.8	10.6	1.9	63.5	64.6	26.9	20.3	7.7	6.3	1.9	8.9	0.126 (F-1.917)	
3. Dikenali sebagai laskar siber atau keyboard warriors	73.2	62.0	20.7	18.0	2.4	12.0	3.7	8.0	63.4	65.8	21.5	26.3	6.5	7.9	8.6	0.0	0.057 (F-2.534)	
4. kegiatan yang dilakukan oleh seseorang yang di upah	71.7	63.7	16.8	25.3	5.8	6.6	5.8	4.4	63.5	65.2	21.2	26.1	8.2	4.3	7.1	4.3	0.360 (F-1.075)	
5. Ditubuhkan oleh pemerintah politik	73.3	64.7	13.7	25.6	4.6	7.5	8.4	2.3	68.5	61.0	18.5	26.0	9.3	5.2	3.7	7.8	0.051 (F-2.619)	
6. Diasaskan oleh pemerintah politik	71.3	66.4	16.2	23.4	5.1	7.0	7.4	3.1	63.2	64.9	22.8	23.0	8.8	5.4	5.3	6.8	0.511 F-0.770)	
7. Kumpulan propaganda politik	69.3	68.5	17.6	22.5	7.2	4.5	5.9	4.5	67.5	58.8	18.8	29.4	6.3	7.8	7.5	3.9	0.361 (F-1.072)	
8. Individu dengan agenda yang dibiayai oleh organisasi politik	70.1	67.3	16.9	23.6	7.1	4.5	5.8	4.5	66.7	61.0	20.8	25.4	5.6	8.5	6.9	5.1	0.493 (F-802)	
9. Memperjuangkan kepentingan masyarakat	72.2	66.4	13.9	24.2	7.0	5.4	7.0	4.0	76.9	58.7	12.8	27.2	7.7	6.5	2.6	7.6	<b>0.049</b> <b>(F-2.637)</b>	
10. Medium untuk menaikkan nama	67.3	71.7	18.8	21.2	7.3	4.0	6.7	3.0	65.8	61.8	18.4	29.1	7.9	5.5	7.9	3.6	0.170 (F-1.684)	
11. Alat untuk menjatuhkan seorang pemimpin	70.1	67.3	16.2	24.5	7.8	3.6	5.8	4.5	61.9	68.1	22.6	23.4	7.1	6.4	8.3	2.1	0.226 (F-1.455)	
12. Menyampaikan berita yang sah kepada masyarakat	68.8	69.1	17.0	21.7	8.9	3.9	5.4	5.3	72.5	60.4	10	28.6	12.5	4.4	5.0	6.6	<b>0.030</b> <b>(F-3.008)</b>	

13. Media mempunyai kepentingan politik	72	64.1	14.3	28.2	7.5	3.9	6.2	3.9	62.3	66.7	22.1	24.1	9.1	3.7	6.5	5.6	<b>0.048</b> <b>(F-2.657)</b>
14. Sebagai akar umbi yang disusun secara terpusat	68.2	70.1	17.8	22.4	7.6	3.7	6.4	3.7	68.2	60	21.2	24.6	6.1	7.7	4.5	7.7	0.660 (F-0.532)
15. Mempercayai berita yang disampaikan oleh Cybertroopers	65.2	70.2	21.2	19.2	7.6	5.6	6.1	5.1	67.7	63	16.1	25	12.9	5	3.2	7.0	0.590 (F-0.639)
16. Cybertroopers membantu ahli politik untuk meraih undi	70.7	66.4	16.6	24.3	7.6	3.7	5.1	5.6	67.9	58.5	21.8	24.5	6.4	7.5	3.8	9.4	0.288 (F-1.260)

---

Jadual 7 menunjukkan analisis ANOVA sehala berkaitan pemahaman belia tentang *Cybertroopers* di Malaysia mengikut taraf sosioekonomi belia. Ujian ANOVA Sehala (One-Way Analysis of Variance) bertujuan membandingkan min dan varians kumpulan-kumpulan terlibat untuk menentukan yang mana berbeza secara signifikan. Dapatan menunjukkan bahawa terdapat empat item yang menunjukkan perbezaan signifikan iaitu item 1 iaitu “Saya pernah mendengar istilah *Cybertroopers*” (sig: 0.045, diff: 2.707); item 9 iaitu “Memperjuangkan kepentingan Masyarakat” (sig: 0.049, diff: 2.637); item 12 iaitu “Menyampaikan berita yang sahih kepada Masyarakat” (sig: 0.030, diff: 3.008) dan item 13 iaitu “Media mempunyai kepentingan politik” (sig: 0.048, diff: 2.657). Bagi definisi *Cybertroopers*, item 1 menunjukkan belia Selangor yang pernah mendengar berkaitan dengan istilah *Cybertroopers* ini adalah dalam kalangan belia yang mempunyai taraf sosioekonomi yang sederhana tinggi dan tinggi iaitu RM 2600 dan ke atas. Manakala bagi belia di Perak, belia yang berada pada taraf ekonomi sederhana tinggi iaitu di dalam kategori sosioekonomi RM 2600-3800 pernah mendengar tentang istilah *Cybertroopers* berbanding dengan belia dari kelompok ekonomi yang lain. Ini bermaksud, belia daripada kelompok sosioekonomi sederhana tinggi dan tinggi lebih tahu dan pernah mendengar mengenai istilah *Cybertroopers*, berbanding dengan kelompok ekonomi yang lain. Ini kerana belia yang mempunyai taraf sosioekonomi yang tinggi adalah pengguna media siber yang lebih ramai kerana mereka mudah untuk mendapatkan akses kepada media siber dan capaian internet yang lebih baik. Dapatan ini selari dengan kajian yang dilaksanakan oleh Shahrul Nazmi, Fauziah, Azianura Hani dan Nasrudin (2019) yang menunjukkan bahawa remaja B40 atau yang mempunyai sosioekonomi rendah cenderung untuk menggunakan media siber, namun tahap penggunaan media siber ini masih berada pada tahap sederhana di mana mereka menggunakan media ini bagi tujuan mendapatkan maklumat dan menjalankan perniagaan secara dalam talian.

Bagi bentuk atau jenis *Cybertroopers*, tiada item yang menunjukkan perbezaan signifikan. Namun, bagi tujuan penubuhan *Cybertroopers*, terdapat tiga item yang mempunyai perbezaan signifikan berdasarkan taraf sosioekonomi belia. Bagi item 9, belia di kedua-dua negeri yang mempunyai taraf sosioekonomi dalam kategori RM1300-2500 mempercayai bahawa tujuan utama penubuhan gerakan *Cybertroopers* ini adalah untuk memperjuangkan kepentingan masyarakat. Namun, bagi item 12, kebanyakan belia di Selangor yang mempercayai bahawa *Cybertroopers* menyampaikan berita yang sahih dan tepat kepada masyarakat adalah dalam kalangan belia yang mempunyai taraf sosioekonomi rendah iaitu kurang dari RM2500. Di Perak pula, belia yang percaya bahawa *Cybertroopers* menyampaikan berita yang sahih dan tepat kepada masyarakat adalah dalam kelompok belia dalam kategori sosioekonomi RM 1300-2500 dan sosioekonomi tinggi iaitu RM3900 dan ke atas. Manakala item 13 “Media mempunyai kepentingan politik” menunjukkan perbezaan signifikan bagi kategori sosioekonomi RM 1300-2500 bagi belia di kedua-dua negeri dan belia di Perak yang mempunyai taraf sosioekonomi rendah iaitu kurang daripada RM1200. Oleh itu, secara keseluruhan, dapatan ini merumuskan dua dapatan utama. Pertama, dari sudut definisi *Cybertroopers*, belia yang tahu dan pernah mendengar mengenai istilah *Cybertroopers* ini kebanyakannya adalah belia yang mempunyai taraf sosioekonomi yang sederhana tinggi dan tinggi iaitu RM 2600 dan ke atas, berbanding dengan belia dari kelompok ekonomi yang lain. Namun, bagi matlamat penubuhan gerakan ini, kebanyakan belia yang berada dalam kelompok sosioekonomi bawah RM2500 mempunyai pandangan bahawa *Cybertroopers* ini ditubuhkan khusus untuk memperjuangkan kepentingan masyarakat, menyebarkan maklumat yang tepat kepada masyarakat dan menggunakan media bagi mencapai kepentingan politik, berbanding dengan rakan mereka dari kelompok sosioekonomi yang lain.

**Jadual 8:** Analisis ANOVA sehalu bagi Pemahaman belia tentang Definisi, Bentuk dan Tujuan Penubuhan *Cybertroopers* di Malaysia berdasarkan Tahap Pendidikan

Pemahaman belia tentang definisi, bentuk dan tujuan penubuhan <i>Cybertroopers</i> di Malaysia berdasarkan Tahap Pendidikan (N = 395)																		
item	Selangor (%) N-264								Perak (%) N-131								ANOVA	
	SPM dan kebawah		Diploma/STPM		Sarjana Muda		Pascasiswazah		SPM dan kebawah		Diploma/STPM		Sarjana Muda		Pascasiswazah			
	TIDAK	YA	TIDAK	YA	TIDAK	YA	TIDAK	YA	TIDAK	YA	TIDAK	YA	TIDAK	YA	TIDAK	YA		
1. Saya pernah mendengar istilah Cybertroopers	8.4	6.0	55.7	45.9	35.9	46.6	0	1.5	12.3	6.1	24.6	25.8	61.5	65.2	1.5	3.0	0.124 (F-1.932)	
2. Saya faham maksud cybertroopers	8.7	6.3	43.3	55.6	46.2	38.1	1.9	0	3.8	12.7	28.8	22.8	63.5	63.3	3.8	1.3	0.165 (F-1.709)	
3. Dikenali sebagai laskar siber atau keyboard warriors	8.5	5	56.7	41	33.5	54	1.2	0	4.3	21.1	26.9	21.1	66.7	55.3	2.2	2.6	0.181 (F-1.636)	
4. kegiatan yang dilakukan oleh seseorang yang di upah	8.7	4.4	49.1	53.8	41	41.8	1.2	0	2.4	21.7	31.8	13	62.4	65.2	3.5	0	0.220 (F-1.478)	
5. Ditubuhkan oleh pemerintah politik	7.6	6.8	48.9	52.6	42	40.6	1.5	0	3.7	13.0	33.3	19.5	61.1	64.9	1.9	2.6	0.664 (F-0.527)	
6. Diasaskan oleh pemerintah politik	9.06	4.7	43.4	58.6	45.6	36.7	1.5	0	5.3	12.2	33.3	18.9	61.4	64.9	0	4.1	0.857 (F-0.256)	
7. Kumpulan propaganda politik	7.8	6.3	43.8	60.4	47.1	33.3	1.3	0	3.8	17.6	32.5	13.7	60	68.6	3.8	0	0.084 (F-2.231)	
8. Individu dengan agenda yang dibiayai oleh organisasi politik	7.8	6.4	42.9	61.8	48.1	31.8	1.3	0	5.6	13.6	30.6	18.6	59.7	67.8	4.2	0	0.085 (F-2.221)	
9. Memperjuangkan kepentingan masyarakat	10.4	4.7	47	53.7	42.6	40.3	0	1.3	7.7	9.8	28.2	23.9	64.1	63	0	3.3	0.226 (F-1.456)	
10. Medium untuk menaikkan nama	7.9	6.1	46.1	58.6	44.8	35.4	1.2	0	5.3	14.5	28.9	20	61.8	65.5	3.9	0	0.223 (F-1.468)	
11. Alat untuk menjatuhkan seorang pemimpin	6.5	8.2	47.4	55.5	44.8	36.4	1.3	0	3.6	19.1	28.6	19.1	64.3	61.7	3.6	0	<b>0.027</b> <b>(F-3.085)</b>	

12. Menyampaikan berita yang sah kepada masyarakat	8.	5.9	41.1	57.9	50	34.9	0	1.3	7.5	9.9	35	20.9	57.5	65.9	0	3.3	0.230 (F-1.441)
13. Media mempunyai kepentingan politik	8.7	4.9	45.3	59.2	44.7	35.9	1.2	0	3.9	16.7	27.3	22.2	64.9	61.1	3.9	0	0.131 (F-1.888)
14. Sebagai akar umbi yang disusun secara terpusat	8.3	5.6	45.9	57.9	44.6	36.4	1.3	0	4.5	13.8	27.3	23.1	65.2	61.5	3.0	1.5	0.512 (F-0.770)
15. Mempercayai berita yang disampaikan oleh Cybertroopers	12.1	5.6	39.4	54.5	48.5	38.9	0	1.0	3.2	11	32.3	23	64.5	63	0	3.0	0.331 (F-1.143)
16. Cybertroopers membantu ahli politik untuk meraih undi	8.9	4.7	43.9	60.7	45.9	34.6	1.3	0	2.6	18.9	30.8	17	64.1	62.3	2.6	1.9	0.265 (F-1.327)

---

Jadual 8 membincangkan tentang analisis ANOVA sehalu berkaitan pemahaman belia tentang *Cybertroopers* di Malaysia mengikut tahap pendidikan belia di Selangor dan Perak. Dapatan menunjukkan hanya terdapat satu item yang menunjukkan perbezaan signifikan iaitu item 11 yang berkaitan dengan matlamat penubuhan gerakan *Cybertroopers* di Malaysia sebagai alat untuk menjatuhkan seseorang pemimpin (sig: 0.027, diff: 3.085). Bagi item 1 ini, belia yang berpendidikan Diploma/STPM di Selangor bersetuju bahawa gerakan *Cybertroopers* ini ditubuhkan sebagai alat untuk menjatuhkan pemimpin politik berbanding dengan belia dalam kategori pendidikan yang lain. Namun, di Perak pula, belia yang mempunyai pendidikan rendah iaitu SPM dan ke bawah berpandangan bahawa *Cybertroopers* hanya alat yang digunakan untuk menjatuhkan pemimpin. Hujah ini menyokong dapatan Nuurrianti & Ika Karlina (2019) yang mendapati bahawa *Cybertroopers* di Malaysia mewujudkan beribu akaun sosial media palsu yang menyebarkan isu-isu sensitif, termasuk isu Royal, Religion, Race (3R) bagi menyemarakkan kemarahan masyarakat terhadap parti lawan. Misalnya, salah satu punca kekalahan BN pada PRU 2018 adalah disebabkan oleh peranan *Cybertroopers* yang memainkan isu semasa seperti 1MDB, sekali gus mempengaruhi persepsi pengundi (Tiung, Rizal Zamani & Rafiq, 2019). Manakala, item-item lain dalam definisi, bentuk dan matlamat penubuhan *Cybertroopers* ini tidak menunjukkan sebarang perbezaan bagi tahap pendidikan.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Jika dianalisis dapatan yang diperolehi, belia di Selangor dan Perak mempunyai tahap pemahaman yang rendah tentang definisi, bentuk dan matlamat penubuhan *Cybertroopers* di Malaysia, meskipun mereka adalah antara kumpulan masyarakat yang paling tinggi menggunakan media siber, terutamanya media sosial (Lin & Lu, 2011). Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan tahap pemahaman belia tentang *Cybertroopers* ini adalah rendah. Pertama, pendefinisian istilah *Cybertroopers* ini masih tidak jelas di Malaysia sehingga menyebabkan masyarakat, khususnya belia keliru dengan istilah lain seperti netizen, *keyboard warrior* dan 'maccik bawang'. Ketiadaan definisi yang jelas menyebabkan istilah dan peranan *Cybertroopers* ini sering disamakan dengan netizen, *keyboard warrior* dan 'maccik bawang'. Sebenarnya, istilah *Cybertroopers* adalah berbeza dengan konsep netizen, *keyboard warrior* dan 'maccik bawang'. Menurut Lanigan (2016), netizen merujuk kepada individu yang menggunakan komputer dan menyiarkan mesej di World-Wide-Web (www) tanpa memfokuskan kepada mana-mana penonton (audience). Manakala, 'tentera bawang' merujuk kepada netizen yang menyerang akaun individu atau laman sosial (Muhammad Adnan & Siti Zobidah, 2019). *Keyboard warrior* pula adalah sinonim dengan pembuli siber kerana terlibat dalam tingkah laku agresif dan provokatif dalam talian (Sarina et al., 2020).

Kedua, tiada pendedahan yang diberikan tentang *Cybertroopers* ini kerana *Cybertroopers* sering dilihat berkait dengan amalan negatif seperti penyebaran maklumat palsu, propaganda dan kempen negatif bertujuan untuk mengelirukan pengguna media sosial. Malah, terdapat juga *Cybertroopers* yang berani membangkitkan kemarahan masyarakat dengan memainkan sentimen atau isu yang berkait dengan 3R (Religion, Race & Royal). Sekali gus, gerakan ini boleh mengancam keharmonian dan kestabilan politik nasional. Walaupun mempunyai sisi negatif, namun tidak dapat dinafikan bahawa gerakan *Cybertroopers* ini sangat penting kerana mereka bertindak sebagai agen penyebaran maklumat dalam rangkaian media sosial bagi memupuk kesedaran dan literasi politik masyarakat, khususnya belia. Ketiga, kesukaran mengenal pasti identiti *Cybertroopers* ini juga menyebabkan ada kalanya masyarakat tidak sedar tentang kewujudan mereka. Menurut Harris (2020), *Cybertroopers* kini menggunakan foto palsu pada profil mereka dan menyebarkan propaganda dengan kandungan politik yang lebih asli melalui akaun yang lebih meyakinkan. Oleh itu, kebanyakan identiti *Cybertroopers* ini sukar untuk dikenal pasti kerana mereka menggunakan profil palsu dan akaun yang sukar untuk dibuktikan ketidaksahihannya.

Kesannya, kemampuan untuk mengetahui siapa yang berada di belakang akaun tertentu sukar dikenal pasti oleh kerajaan, lebih-lebih lagi oleh masyarakat umum. Hal ini, sekali gus, berkait dengan pemahaman belia di Selangor dan Perak tentang bentuk *Cybertroopers* di mana kebanyakan mereka mempunyai pemahaman yang rendah tentang bentuk *Cybertroopers*. Pada belia, gerakan *Cybertroopers* ini tidak diorganisasi, tidak diupah dan tidak dipengaruhi oleh sesiapa. Namun, ianya bertentangan

dengan definisi sebenar *Cybertroopers* yang diberikan oleh Haspaizi & Yasmin (2019) iaitu laskar siber yang ‘menyampaikan fakta’ bagi mempertahankan agenda-agenda politik sesebuah parti atau ahli politik. Oleh kerana belia di Selangor dan Perak tidak memahami definisi dan bentuk *Cybertroopers*, maka mereka juga tidak mengetahui tujuan atau matlamat sebenar penubuhan *Cybertroopers* kerana pemahaman mereka tentang isu ini berada pada tahap rendah. Walaupun mereka tidak memahami matlamat sebenar *Cybertroopers*, namun, dapatan menunjukkan bahawa belia di Selangor dan Perak mempercayai berita atau maklumat yang disebarkan melalui media sosial oleh kumpulan *Cybertroopers* ini. Oleh itu, adalah sangat berbahaya jika mereka tidak menyedari dan tidak memahami perkembangan gerakan *Cybertroopers* ini kerana ianya memberi impak negatif terhadap penerimaan maklumat, etika dan keselamatan siber.

## KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menyelidiki pemahaman belia Malaysia terhadap *Cybertroopers* dengan menggunakan sampel belia di negeri Selangor dan Perak. Kajian ini juga membuat analisis perbandingan mengenai pemahaman belia terhadap *Cybertroopers* ini berdasarkan indikator demografi seperti jantina, taraf sosioekonomi dan tahap pendidikan. Dapatan merumuskan bahawa belia di Selangor dan Perak mempunyai pemahaman yang rendah berkaitan gerakan *Cybertroopers* sama ada dari segi definisi istilah *Cybertroopers*, bentuk atau jenis *Cybertroopers* dan matlamat penubuhan gerakan ini. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan dan badan bukan kerajaan untuk memberi kesedaran dan literasi tentang *Cybertroopers* dan keselamatan siber kepada masyarakat, khususnya belia. Selain itu, penguatkuasaan akta kawalan seperti akta Hasutan 1948, akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA), dan akta Komunikasi dan Multimedia 1998 ini adalah salah satu usaha yang boleh diambil bagi mengekang kesalahan jenayah siber dan masalah ruangan siber yang semakin terbuka di Malaysia. Ini kerana kegagalan memberi pengetahuan yang mendalam berkaitan gerakan *Cybertroopers* berupaya mengancam keselamatan negara menerusi penyebaran maklumat palsu yang mampu mengganggu gugat sensitiviti masyarakat. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa ketiadaan pembelajaran secara formal dan tidak formal berkaitan dengan *Cybertroopers* menyebabkan belia akan mudah dipengaruhi menerusi maklumat palsu, kempen dan provokasi politik yang disebarkan oleh *Cybertroopers*, sekali gus berupaya menggugat kestabilan politik.

## PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian daripada penyelidikan yang dibiayai oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPT) melalui Skim Geran Penyelidikan Fundamental FRGS/1/2020/ SS0/UPSI/02/07 (Kod: 2020-0226-106-102) dan disokong oleh Universiti Pendidikan Sultan Idris.

## RUJUKAN

- Almond, G. & Verba, S. (1963). *The civic culture*. New Jersey: Princeton University Press.
- Bastos, M.T., & Mercea, D. (2017). The Brexit botnet and user-generated hyperpartisan news. *Social Science Computer Review*. Advanced online publication, 1–18. <http://doi:10.1177/0894439317734157>.
- Ferrara, E. (2017). Disinformation and social bot operations in the run up to the 2017 French Presidential Election. *First Monday*, 22(8), 1-33. DOI: <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.2995809>.
- Harris, Z. (2020). *Everywhere and nowhere: Cybertroopers and the battle for democracy*. <https://www.isis.org.my/2020/01/16/everywhere-and-nowherencybertroopers-and-the-battle-for-democracy-2/>
- Hart, S.W., & Klink, M.C. (2017). 1st Troll Battalion: Influencing military and strategic operations through cyber-personas. In *2017 International Conference on Cyber Conflict (CyCon U.S.)* (pp. 97–104). DOI: <https://doi/10.1109/CYCONUS.2017.8167503>.
- Haspaizi, Z., & Yasmin, R. (2019, Mac 24). Laskar siber kerjaya lumayan, tapi mencabar. *Malaysiakini*. <https://www.malaysiakini.com/news/469316>.



- Herrick, D. (2016). The social side of “cyber power”? Social media and cyber operations. *International Conference on Cyber Conflict, CYCON*, 2016–August, 99–111. DOI: <http://doi.org/10.1109/CYCON.2016.7529429>.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2023). *Statistik populasi penduduk dan penduduk belia mengikut kategori umur, jantina, etnik, daerah dan negeri di Malaysia bagi tahun 2015 - 2022*. <https://ydata.iyres.gov.my/iyresbankdataV2/www/index.php?r=pub/home/readcontent4&id=134>.
- Johns, A., & Cheong, N. (2019). *Feeling the Chill: Bersih 2.0, state censorship, and “networked affect” on Malaysian social media 2012–2018*. DOI: <https://journals.sagepub.com/doi/10.1177/2056305118821801>.
- King, G., Pan, J., & Roberts, M.E. (2017). How the Chinese government fabricates social media posts for strategic Distraction, not engaged argument. *American Political Science Review*, 111(3), 484–501. DOI: <https://doi:10.1017/S0003055417000144>.
- Krejcie, R. V., & Morgan, D. W. (1970). Determining sample size for research activities. *Educational and Psychological Measurement*, 30, 607-610.
- Lanigan, R.L. (2016). Netizen. Dalam Barney Warf. *The SAGE Encyclopedia of the internet*. Beverly Hills, CA: SAGE.
- Lee, C. A. L., & Kerr, E. (2020). Trolls at the polls: What cyberharassment, online political activism, and baiting algorithms can show us about the rise and fall of Pakatan Harapan (May 2018-February 2020). *First Monday*, 25(6). DOI: <https://doi.org/10.5210/fm.v25i6.10704>.
- Leong, P. (2015). Political communication in Malaysia: A study on the use of new media in politics. *Journal of eDemocracy*, 7(1), 46-71.
- Lin, K. Y., & Lu, H. P. (2011). Why people use social networking sites: An empirical study integrating network externalities and motivation theory. *Computers in Human Behavior*, 27(3), 1152-1161.
- Mastura, M., Siti Zobidah, O., & Krauss, S. E. (2020). *Is citizen journalism to keyboard warriors and cybertroopers? An exploration and meaning form citizen journalist experience*. [https://hrmars.com/papers\\_submitted/7376/Is\\_Citizen\\_Journalism\\_is\\_Similar\\_to\\_Keyboard\\_Warriors\\_and\\_Cyber\\_Troopers\\_An\\_Exploration\\_and\\_Meanings\\_from\\_Citizen\\_Journalists%E2%80%9999\\_Experience.pdf](https://hrmars.com/papers_submitted/7376/Is_Citizen_Journalism_is_Similar_to_Keyboard_Warriors_and_Cyber_Troopers_An_Exploration_and_Meanings_from_Citizen_Journalists%E2%80%9999_Experience.pdf).
- Muhammad Adnan, P., & Siti Zobidah, O. (2019). Dasar Keselamatan Siber Malaysia: Tinjauan terhadap kesedaran netizen dan undang-undang. *Jurnal Komunikasi: Malaysia Journal of Communication*, 35(1), 103-119.
- Norris, P. (2002). *Democratic phoenix: Reinventing political activism*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Nuurrianti, J., & Ika Karlina, I. (2019). Fake news and elections in two Southeast Asian nations: A comparative study of Malaysia general election 2018 and Indonesia presidential election 2019. *Advances in Social Science, Education and Humanities Research*, 367, 138-148.
- Sarina, Y., Khairuddin, I., Asnarulkhadi, A.S., Adamkolo, I., Nor Sabila, R., Muhamad Shamsul, I., & Nur Atikah, A. R. (2020). Keyboard warrior, online predator or cyber bully? The growing menace of child exposure to internet harm based on research evidence. *Pertanika Journal Social Sciences & Humanities*, 28(2), 1291-1309.
- Sekaran, U. (1992). *Research methods for business a skill-building approach*. New York: John Wiley & Sons.
- Shahrul Nazmi, S., Fauziah, I., Azianura Hani, S., & Nasrudin, S. (2019). Penggunaan media sosial dalam kalangan remaja B40 di sekitar Lembah Klang. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 35(4), 101-118.
- Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. (2023). *Internet users survey 2022*. Cyberjaya: MCMC.
- Tiung, L.K., Rizal Zamani, I., & Rafiq, I. (2019). Propaganda dan disinformasi: Politik persepsi dalam Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) Malaysia. *Jurnal Kinabalu Edisi Khas*, 171-198.